



Kesesuaian Dan Pelaksanaan Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Kurikulum Asli Penan Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Murid Orang Asli

Mohamad Nik Mat Pelet
SK Titom, Kuala Lipis, Pahang

Article Info

Received:
14 September 2019

Accepted:
25 September 2019

Publish
01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli berkaitan dengan kesesuaian kemahiran membaca yang terdapat dalam Kurikulum Asli Penan (KAP) dan pelaksanaan KAP dalam proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli. Kajian kes kualitatif ini melibatkan tiga buah sekolah murid Orang Asli dari tiga buah daerah di negeri Pahang. Proses pengumpulan data dilakukan dengan tiga kaedah utama iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data yang diperoleh telah dianalisis secara manual termasuk menggunakan perisian Nvivo11. Data yang diperoleh juga dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan secara naratif. Dapatan kajian mendapati KAP bersesuaian dengan beberapa elemen berkaitan dengan Orang Asli seperti latar belakang, pengetahuan sedia ada dan pengalaman. Walau bagaimanapun, pelaksanaan KAP pula menunjukkan keadaan sebaliknya iaitu, pelaksanaan tidak konsisten dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah murid Orang Asli. Pada akhir kajian ini, satu cadangan berkaitan model PdPc berasaskan kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP dkemukakan bagi membantu guru-guru Bahasa Melayu di sekolah Orang Asli meningkatkan pelaksanaan dan penguasaan murid Orang Asli dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu.

Kata kunci: Kesesuaian, pelaksanaan, kemahiran membaca Bahasa Melayu, KAP, murid Orang Asli, guru Bahasa Melayu, PdPc

Pengenalan

Masyarakat Orang Asli di Malaysia merupakan kelompok masyarakat yang kurang mendapat pendedahan terutama dari aspek perkhidmatan, pendidikan dan kesihatan. Masyarakat orang Asli yang kebanyakan tinggal jauh di kawasan pedalaman menyukarkan mereka mendapat perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Situasi ini menyebabkan masyarakat Orang Asli terus ketinggalan dan beranggapan bahawa pendidikan tidak memberi impak kepada kehidupan mereka.

Walaupun bagaimanapun, pihak kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif dengan menyalurkan pelbagai bantuan termasuk menyediakan infrastruktur seperti bangunan sekolah, keperluan asas untuk belajar di sekolah, bantuan persekolahan dalam bentuk wang dan pakaian serta asrama untuk memudahkan anak-anak masyarakat Orang Asli mendapatkan pendidikan yang sempurna. Inisiatif ini dilakukan bagi melahirkan rakyat Malaysia termasuk masyarakat Orang Asli yang

berdaya saing dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek sebagaimana yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Kurikulum Asli Penan:

Pada Mac 2007, Kurikulum Asli Penan (KAP) telah diperkenalkan secara rintis dengan melibatkan beberapa buah sekolah murid Orang Asli di beberapa negeri di Malaysia seperti negeri Pahang, Kelantan, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. KAP yang dibina adalah susulan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Menangani Isu-isu Pendidikan Anak-anak Orang Asli dan Penan Bil. 3/2006 bertarikh 18 Oktober 2006. Hasil daripada mesyuarat tersebut telah memutuskan untuk menyemak semula kurikulum yang diguna pakai di sekolah murid Orang Asli. Semakan semula kurikulum tersebut melibatkan beberapa aspek seperti keperluan, pengalaman dan persekitaran yang relevan dengan sosiobudaya masyarakat Orang Asli. KAP juga masih menekankan tiga kemahiran utama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu iaitu kemahiran lisan, membaca dan menulis.

Pada peringkat rintis KAP diperkenalkan, pembelajaran secara modular telah diperkenalkan. Bahagian Pembanguna Kurikulum (BPK) yang telah diberi tanggungjawab untuk merealisasikan pelaksanaan KAP ini telah membuat perubahan dengan mengambil kira pelaksanaan kurikulum terdahulu Kurikulum Bahasa Sekolah rendah (KBSR) sebelum digantikan dengan kurikulum terkini Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diguna pakai di sekolah-sekolah kebangsaan lain. Tujuannya adalah untuk memastikan kurikulum yang dihasilkan dan diguna di sekolah murid Orang Asli mampu melahirkan murid Orang Asli yang berdaya saing dan seiring dengan masyarakat lain.

KAP mula diperkasakan dari segi pelaksanaannya pada tahun 2009 dengan menyasarkan sekolah-sekolah murid Orang Asli yang lemah dari segi pencapaian akademik yang diukur melalui keputusan peperiksaan awam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Daripada 93 buah sekolah murid Orang Asli di Malaysia, 36 buah sekolah telah diarahkan untuk menggunakan KAP sebagai langkah untuk meningkatkan penguasaan murid Orang Asli serta melonjakkan pencapaian mereka dalam bidang akademik (Ramlah 2009).

Pernyataan Masalah:

Pencapaian akademik murid Orang Asli masih lemah kerana dipengaruhi pelbagai faktor termasuk faktor kurikulum yang tidak sesuai untuk digunakan dalam pengajaran (Norwaliza 2014). Senada dengan itu, Aminuddin (2017) turut menyarankan pelaksanaan kurikulum yang lebih sesuai dari segi sosiobudaya dan persekitaran masyarakat Orang Asli untuk meningkatkan penguasaan dan pencapaian mereka. Ganal (2017) turut membicarakan isu berkaitan keperluan menyediakan kurikulum khas untuk masyarakat Orang Asli di Filipina. Abayoa (2014) turut menyokong usaha untuk membuat semakan semula kurikulum yang diguna dalam pengajaran dan pembelajaran masyarakat Orang Asli dengan menerapkan latar belakang masyarakat Orang Asli dalam negara mahupun luar negara. Usaha ini dilakukan untuk meningkatkan akademik masyarakat Orang Asli dan sekali gus melahirkan masyarakat Orang Asli yang berdaya saing sebagaimana masyarakat lain di Malaysia.

Kerangka Konsep Kajian:

Kajian yang dijalankan ini melibatkan teori dan model pengajaran. Pemilihan teori membaca *Bottom-Up* merupakan teori yang sinonim dengan pembelajaran membaca dalam kalangan murid Orang Asli. Teori *Bottom-Up* menekankan pembelajaran membaca secara berperingkat bermula daripada kemahiran asas sehingga kemahiran memahami keseluruhan teks yang dibaca manakala Model Robert Glaser (1962) dan Model Sim pula adalah model pengajaran yang dapat dijadikan sebagai panduan kepada guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Objektif:

Tujuan kajian ini dijalankan untuk meneroka dengan lebih mendalam berkaitan dengan kemahiran membaca Bahasa Melayu yang terdapat dalam KAP. Secara umum, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Meneroka kesesuaian kemahiran membaca Bahasa Melayu yang terdapat dalam KAP dari sudut persepsi guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli.
- ii. Meninjau pelaksanaan guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli berkaitan dengan kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP.

Metodologi:

Kajian yang dijalankan secara kualitatif ini memerlukan pengkaji untuk memahami dengan lebih mendalam fenomena yang diteroka. Pemilihan kajian kualitatif memberi ruang kepada pengkaji untuk menyelidik dengan lebih mendalam dan bermakna setiap ruang lingkup berkaitan dengan fenomena kajian (Gall et al. 2007 & Meriamm 2009). Kajian yang dilakukan di tiga buah sekolah murid Orang Asli di negeri Pahang melibatkan lima orang guru Bahasa Melayu. Pemilihan guru secara bersampelan bertujuan dalam kajian ini dengan mengambil kira peserta kajian yang mewakili populasi kajian (Celinea 2018). Ghazali dan Sufean (2016) menyatakan bilangan peserta kajian yang kecil antara satu hingga tujuh sudah memadai untuk mendapatkan data kajian. Senada dengan itu, Noraini (2013) turut menjelaskan bilangan peserta kajian yang kecil mampu memberi pengkaji data yang mendalam dan berkesan. Pengkaji menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dalam mendapatkan data untuk menjawab soalan kajian ini. Norhayati (2012), Othman (2015) dan Celinea (2018) menjelaskan instrumen temu bual merupakan set soalan yang dibina berdasarkan objektif kajian untuk membantu pengkaji mendapatkan data yang tepat dan relevan dengan kajian. Marshall dan Rossman (2014) menekankan penggunaan instrumen pemerhatian sebagai peluang pengkaji untuk membuat catatan bagi mendapatkan data yang lebih mendalam untuk menyokong dapatan kajian manakala Besh dan Kahn (2003) pula menyatakan penggunaan instrumen analisis dokumen dapat membantu pengkaji untuk membuat rekod data yang lebih tersusun dan berfokus.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang telah dilakukan, dapatan kajian ini dapat dihuraikan seperti huraian berikut:

Persoalan Kajian 1: Kesesuaian kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP

Berdasarkan temu bual, kelima-lima peserta kajian menyatakan kemahiran membaca Bahasa Melayu yang terdapat dalam KAP sesuai untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid orang Asli. Jika dibandingkan dengan KSSR iaitu kurikulum terdahulu yang diguna pakai di sekolah murid Orang Asli, kemahiran yang terdapat didalamnya tidak sesuai dengan masyarakat Orang Asli. Dapatan data berkaitan dengan kesesuaian kemahiran membaca Bahasa Melayu yang terdapat dalam KAP dapat diperjelaskan seperti berikut:

i. Penerapan perspektif peribumi

Peserta kajian menyatakan penerapan perspektif peribumi masyarakat Orang Asli dari segi hubungan komuniti, sosiobudaya, persekitaran, simbol dan imej yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli dan amalan mereka ditekankan dalam pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP. Dapatan data melalui pemerhatian pula mendapati penerapan unsur-unsur tersebut memudahkan murid Orang Asli untuk memahami pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan kerana ia berkaitan secara langsung dengan kehidupan dan persekitaran mereka. Dalam pada itu, penerapan perspektif peribumi ini juga bertujuan

untuk meningkatkan penguasaan serta minat mereka terhadap pendidikan. Selain itu, penerapan perspektif peribumi ini dapat dilihat dengan jelas dalam dokumen kurikulum yang dibekalkan kepada setiap sekolah murid Orang Asli.

ii. *Bilangan kemahiran membaca dikurangkan*

Dapatan kajian turut mendapati bilangan kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP telah dikurangkan kepada enam kemahiran yang perlu dikuasai semasa berada di Tahun Satu dan masing-masing 12 kemahiran membaca perlu dipelajari semasa berada di Tahun Dua dan Tahun Tiga berbanding dengan KSSR yang menekankan 16 kemahiran perlu murid kuasai semasa di Tahun Satu. Bilangan kemahiran membaca yang terlalu banyak seperti yang terkandung dalam KSSR menyukarkan murid menguasai kemahiran kerana tahap keupayaan mereka yang masih terhad dalam kemahiran membaca (Md. Nasir et al. 2010). Menurut peserta kajian, pengurangan bilangan kemahiran membaca yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid Orang Asli dapat meningkatkan kefahaman mereka. Murid Orang Asli lebih mudah faham dan berupaya untuk mengingat kemahiran yang mereka pelajari kerana kemahiran yang telah dikurangkan. Pernyataan ini dapat dibuktikan dengan hasil pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu. Murid memberi respon positif ketika disoal oleh guru semasa mengajar kemahiran membaca berbanding dengan situasi terdahulu semasa menggunakan KSSR. Menurut Ramlah (2009) penggunaan kurikulum yang tidak sesuai bukan sahaja mempengaruhi minat murid terhadap akademik, malah ia memberi kesan berterusan kepada anggapan dan andaian mereka terhadap sesuatu mata pelajaran.

iii. *Penerapan kemahiran membaca secara berperingkat*

Pengkaji turut mendapati penerapan kemahiran membaca Bahasa Melayu yang ditekankan dalam KAP disusun secara berperingkat mengikut tahun persekolahan. Berdasarkan temu bual bersama peserta kajian, mereka menjelaskan kemahiran asas membaca ditekankan di dalam Tahun Satu dan kemahiran yang lebih tinggi ditekankan semasa murid berada di dalam Tahun Dua dan Tahun Tiga. Penerapan secara berperingkat ini memudahkan murid untuk menguasai setiap kemahiran dari asas kepada peringkat tinggi dalam kemahiran membaca. Berdasarkan analisis dokumen, pengkaji mendapati kemahiran asas membaca ditekankan pada setiap tahun pembelajaran manakala kemahiran membaca yang lebih tinggi ditekankan mengikut tahun persekolahan berbanding dengan kurikulum terdahulu iaitu KSSR yang menekankan peringkat membaca aras tinggi bermula daripada Tahun Satu. Keadaan ini memberi kesan kepada murid Orang Asli yang masih lemah dalam menguasai kemahiran tersebut sehingga menyebabkan mereka hilang minat terhadap pelajaran.

Persoalan Kajian 2: Pelaksanaan kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan, pengkaji mendapati pelaksanaan kemahiran membaca Bahasa Melayu yang terdapat dalam KAP adalah tidak konsisten dan berterusan sepanjang tahun persekolahan. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli, malah data daripada analisis dokumen juga turut menyokong dapatan kajian ini. Huraian berkaitan persoalan kajian 2 ini dapat dirungkai seperti berikut:

i. *Pelaksanaan tiga bulan pertama persekolahan antara Januari hingga Mac*

Berdasarkan temu bual bersama peserta kajian, pengkaji mendapati guru-guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli hanya melaksanakan kemahiran membaca Bahasa Melayu yang terdapat dalam KAP selama tiga bulan pertama persekolahan antara bulan Januari sehingga Mac setiap tahun. Situasi ini berlaku kerana guru Bahasa Melayu berfokus kepada pelaksanaan program-program lain seperti program Literasi dan Numerasi (LINUS) sedangkan fokus utama guru dalam melaksanakan pengajaran perlulah berasaskan kurikulum

dan bukannya program akademik. Keadaan ini berlaku saban tahun kerana pertindihan arahan yang dikeluarkan oleh pihak bertanggungjawab untuk memastikan program akademik dijalankan sehingga menyebabkan tumpuan guru tertumpu kepada LINUS dan bukannya KAP.

Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan analisis dokumen rancangan pengajaran harian guru Bahasa Melayu. Penghasilan rancangan pengajaran harian berasaskan KAP hanya dilaksanakan sehingga bulan Mac. Bermula dari bulan April sehingga November, pengkaji mendapati guru Bahasa Melayu menggunakan kurikulum lain selain KAP seperti KSSR dan bahan-bahan dari program LINUS. Ekoran daripada itu, murid bukan sahaja tidak menguasai kemahiran membaca yang terdapat dalam KAP malah pelaksanaan pengajaran berasaskan KSSR dan bahan LINUS juga tidak berjaya mencapai sasaran sebagaimana yang disasarkan oleh guru Bahasa Melayu dalam rancangan pengajaran harian mereka.

ii. Pelaksanaan guru Bahasa Melayu tertumpu kepada kemahiran membaca dalam KSSR

Pengkaji turut mendapati guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli lebih kerap melaksanakan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu berasaskan KSSR. Walaupun kemahiran membaca yang terdapat dalam KSSR berada pada aras tinggi, namun ia tetap menjadi pilihan guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli. Alasan yang diberikan adalah mudah untuk mereka mendapatkan bahan berkaitan dengan kemahiran yang diajar berbanding dengan mendapatkan bahan yang sesuai dengan kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP.

Berdasarkan analisis dokumen rancangan pengajaran harian, guru Bahasa Melayu lebih kerap menjadikan kemahiran membaca Bahasa Melayu KSSR sebagai objektif utama dalam menghasilkan rancangan pengajaran harian mereka malah melalui pemerhatian juga pengkaji mendapati murid tidak dapat memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru, namun guru tetap meneruskan pengajaran berasaskan kemahiran membaca Bahasa Melayu yang terkandung dalam KSSR.


Kesimpulan:

Kajian yang berfokus kepada kesesuaian kemahiran membaca yang terdapat dalam KAP ini telah berjaya membuktikan bahawa kemahiran membaca tersebut sesuai dan relevan untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid Orang Asli. Kemahiran yang dibina telah mengambil kira perspektif masyarakat peribumi Orang Asli. Elemen ini penting untuk meningkatkan penguasaan dan pemahaman murid berkaitan dengan kemahiran yang mereka pelajari (Rosli et al. 2009). Dalam pada itu, bilangan kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP juga telah dikurangkan bagi memastikan murid Orang Asli dapat belajar dengan lebih berkesan sekali gus meningkatkan pemahaman mereka. Ramlah (2009) turut menyatakan murid Orang Asli tidak dapat mempelajari terlalu banyak kemahiran dalam satu masa, di samping perkembangan mereka yang agak lambat berbanding dengan murid lain (Wan Afizi et al. 2010). Penerapan kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP secara berperingkat juga memudahkan murid Orang Asli untuk lebih berfokus. Kemahiran membaca Bahasa Melayu yang telah disusun dan dibahagikan secara berperingkat daripada peringkat asas ke peringkat tinggi memudahkan lagi murid orang Asli untuk memahami konsep kemahiran membaca (Ramlah 2009). Ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan Mohd Kamal dan Ab. Rahman (2009) yang menyatakan keperluan murid Orang Asli untuk belajar setiap kemahiran membaca secara berperingkat untuk memastikan mereka dapat menyelaraskan dengan pengetahuan sedia ada mereka.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan kemahiran membaca Bahasa Melayu KAP tidak konsisten dan berterusan dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli. Guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli lebih gemar merujuk dan menggunakan kemahiran membaca Bahasa Melayu yang terkandung dalam KSSR serta sumber lain seperti bahan sokongan untuk program LINUS. Keadaan ini berlaku kerana guru Bahasa Melayu beranggapan lebih mudah untuk mereka mendapatkan bahan sokongan pengajaran jika pengajaran mereka berasaskan KSSR dan LINUS walaupun kedua-dua sumber tersebut tidak sesuai dengan tahap murid. Pelaksanaan yang tidak konsisten bukan sahaja menyebabkan murid tidak dapat menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu yang disampaikan malah murid turut hilang minat terhadap mata pelajaran tersebut (Rosli et al. 2009).

Oleh itu, keadaan ini perlulah ditangani agar guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli dapat melaksanakan KAP secara berterusan kerana KAP yang dihasilkan sesuai dan relevan dengan murid Orang Asli kerana terdapat elemen penerapan perspektif peribumi, bilangan kemahiran serta pembelajaran secara berperingkat. Guru Bahasa Melayu di sekolah murid Orang Asli juga perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori dan model yang sesuai agar ia dapat memastikan pelaksanaannya sesuai dengan murid Orang Asli.

Model pengajaran dan pembelajaran



Rajah 1: Model Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu KAP

Rujukan

- Abayao, L. (2014). *The Philippines indigenous peoples' core curriculum*. UP Forum. Retrieved from <http://www.up.edu.ph/the-philippines-indigenous-peoples-core-curriculum/>.
- Aminuddin Mohamed. (2017). Kelestarian KEDAP dalam Pembangunan Modal Insan Masyarakat Orang Asli. Tesis Dr. Fal. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Best, J. W., & Kahn, J. V. (2003). *Research in education (9th Ed.)* Boston: Allyn and Bacon.
- Celinea Anak Lasan. (2018). Amalan Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bidayuh. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Ganal, N. (2017). The University of Ottawa Indigenous Peoples Education Curriculum Model: Basis in the Development of Indigenous Peoples Education Curriculum for PNU-North Luzon. *The Normal Lights*, 11(1), 198 – 234.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marshall, C., & Rossman, G.B. (2014). *Designing qualitative research*. 6th Edition. Thousands Oaks, California: SAGE Publications Inc.
- Masran M. N., Jantan R., Nachiappan S., Shukor A. A., & Roslinda Mustapha. (2010). Tahap kebolehbacaan dalam kalangan murid Orang Asli (Program Pemulihan) di Sekolah Kebangsaan Brinchang (Pahang) dan Sekolah Kebangsaan Batu 14, Tapah (Perak). *Kertas dibentangkan dalam Seminar JPPG*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*, Revised and Expanded From *Qualitative Research and Case Study Applications in Educations* (San Francisco: Jossey-Bass).
- Mohd Kamal Mohd Ali & Ab. Rahman Mahmud. (2009). Penggunaan pengetahuan setempat bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dan menulis di Sekolah Orang Asli. Dlm Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (pnyt.). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*, hlm. 89-98. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor : McGraw-Hill Education (M) Sdn. Bhd.
- Norhayati Mohd Noor. (2012). Proses kaunseling Keluarga Dalam Kalangan Pengamal Kaunseling Keluarga Di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim
- Ramlah Abdul Rahman. (2009). *Projek Rintis Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli Dan Penan*. Kajian Rintis. IPGKTAA.
- Yaacob R., Hafiz Z. A. & Wahid L. A. (2009). Pembelajaran bersama dan amalan berkesan pedagogi pribumi kurikulum asli-Penan: Satu kajian kes. Dlm Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (pnyt.). *Masyarakat orang asli: Perspektif pendidikan dan sosio-budaya*, hlm. 77-89. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hanafi W. A., Ahmad S. & Ali N. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran , Fakulti Sains Sosial dan kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.